

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)  
SOALAN 17 (A141)**

Bagaimana sistem MeTOS dapat membantu industri pelancongan di Mersing khususnya island hopping dan bagaimana meningkatkan keselamatan pelancong serta setakat ini berapa pelancong yang berdaftar.

**JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY**

Sistem Mersing *Tourism Operating System* (MeTOS) merupakan *one stop center* bagi aktiviti pelancongan Daerah Mersing. Sebagai permulaan sistem ini akan digunakan bagi aktiviti island hopping. MeTOS juga akan digunakan bagi aktiviti pelancongan lain seperti selam skuba dan aktiviti mendaki.

Sistem ini akan mengintegrasikan proses dan prosedur pelbagai agensi / jabatan bagi aktiviti pelancongan. Keadaan ini akan membantu mengurangkan birokrasi dan memudahkan pelancong / operator.

Peringkat pertama pelaksanaan adalah bagi aktiviti island hopping. Sistem ini akan digunapakai oleh *operator island hopping* bagi mendaftar pelancong untuk aktiviti ini. Hanya operator yang mempunyai lesen perniagaan Majlis Daerah Mersing sahaja boleh menggunakan sistem ini. Pendaftaran ini akan merekodkan bilangan pelancong diperairan Mersing.

Selain merekodkan bilangan pelancong, data ini juga akan digunakan bagi penentuan had bilangan pelancong (*carring capacity*) bagi sesuatu kawasan. Bagi pelancong yang telah didaftarkan di dalam MeTOS, mereka akan dibekalkan wristband sebagai tanda mempunyai kebenaran menjalankan aktiviti diperairan Mersing. Keadaan ini akan memudahkan kawalan diperingkat penguatkuasaan.

Kawalan keselamatan juga dimulakan sebelum aktiviti dijalankan. SOP bagi aktiviti ini juga telah dicadangkan bagi meningkatkan tahap keselamatan pelancong. Sehingga 31 Mei 2022 sebanyak 9 operator telah didaftarkan di dalam MeTOS dan telah mendapat 63 permohonan bagi aktiviti island hopping yang melibatkan 522 orang pelancong.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)  
SOALAN 18 (A56)**

Minta dinyatakan usaha dan perancangan Kerajaan Negeri untuk memperkasa Gred Perjawatan bagi Guru Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor.

**JAWAPAN YB TUAN MOHD FARED BIN MOHD KHALID**

Pada masa ini, kelulusan bagi membentuk perjawatan sekolah baru iaitu Maahad Tahfiz Negeri Johor (MTNJ) telah pun diluluskan penjawatannya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) pada Disember 2021. Iaitu sebanyak 16 perjawatan, dalam pelbagai skim perjawatan. Manakala bagi Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor dan Maahad Johor telah diluluskan pertambahan jawatan sebanyak 57 perjawatan pelbagai Gred dan skim. Bagi guru-guru yang sedia ada dan berkelayakan akan berpeluang mengisi kekosongan tersebut seperti guru (kontrak/sambilan).

Walau bagaimanapun, usaha BPI bagi mendapatkan kelulusan JPA berhubung dengan pertambahan jawatan Guru Besar pada Gred DG 38 dan DG 41/ 42 tidak berjaya atas alasan Gred sepadan bagi jawatan Guru Besar di Sekolah Kebangsaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya pada Gred DG34 sahaja kecuali di sekolah –sekolah berprestasi tinggi. Justeru, Jabatan ini telah dimaklumkan bahawa rayuan atau permohonan semula boleh di mohon semula berdasarkan kepada keperluan semasa.

Pada masa yang sama, Jabatan ini sedang dalam usaha untuk menambah baik skim kenaikan pangkat berasaskan kecemerlangan (TBBK) kepada Gred DG 29 dan Gred DG 41 daripada yang sedia ada iaitu 10 tahun perkhidmatan layak dinaikkan pada satu Gred yang lebih tinggi iaitu Gred DG32 dan Gred DG 44, kepada yang lebih baik kepada semua Guru daripada Gred DG 29 hingga DG 54 sebagaimana yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kiranya jika diluluskan oleh Kerajaan Negeri, dengan perlaksanaan TBBK sepenuhnya akan memberi peluang dan manfaat kepada semua guru pada pelbagai gred masing-masing untuk naik pangkat secara time based dan tidak perlu menunggu kenaikan pangkat secara hakiki.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 19 (A92)**

Apakah usaha/rancangan jangka panjang atau pendek untuk meningkatkan kadar hari para pelancong berada atau melancong di Johor?

**JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY**

Berdasarkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014 – 2023, Kerajaan Negeri berhasrat untuk meningkatkan kadar bermalam daripada 1.8 kepada 2.3 hari. Bagi mencapai sasaran ini, pihak Kerajaan Negeri Johor melalui Tourism Johor telah menggariskan strategi-strategi yang dibangunkan melalui objektif-objektif berikut:

- a. Objektif 1 - Johor Sebagai Top 10 Destinasi Pelancong Utama Asean
- b. Objektif 2 - Memperkukuhkan 5 Komponen Industri Pelancongan Berimpak Tinggi
- c. Objektif 3 - Memperhebatkan Promosi Majestic Johor Domestik & Antarabangsa
- d. Objektif 4 - Industri Pelancongan Johor Yang Berdaya Saing

Berikut merupakan strategi-strategi jangka masa pendek yang telah dilaksanakan bagi menyokong objektif di atas –

- a. Jotic Sebagai Pusat Operasi Utama Pelancongan Johor
- b. Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar Sebagai Hab Budaya Negeri Johor
- c. Meneruskan Pemberian Insentif Khas Penggiat Industri
- d. Upskilling & Reskilling Tenaga Kerja Industri Pelancongan
- e. Mempergiatkan Pembangunan Usahawan Produk Pelancongan Bumiputera
- f. Meningkatkan Keupayaan Agensi Kerajaan Berasaskan Pelancongan Di Johor
- g. Mewujudkan Piawaian (*Johor Tourism Standard*) bagi Kebersihan, Keselamatan, Kesihatan dan Keselesaan Pelancong di Negeri Johor.

Manakala berikut merupakan strategi-strategi jangka masa panjang yang telah dan akan dilaksanakan bagi menyokong objektif di atas –

- a. Memperkukuhkan Pendigitalan Industri Pelancongan
- b. Pembangunan & Pemasaran Pelancongan Daerah-Daerah Di Negeri Johor
- c. Mengoptimumkan Komunikasi Strategik & Perhubungan Media serta Kerjasama Pintar Agensi Pelancongan Seluruh Asia
- d. Memperhebatkan *Majestic Johor Signature Event*
- e. Memperluaskan Promosi Majestic Johor (Online & Offline)
- f. Memperhebatkan Pasaran Pelancongan Antarabangsa dan Domestik
- g. Pembangunan Pelancongan Kesihatan, Pelancongan Perniagaan, Pelancongan Kesenian, Warisan & Budaya, Pelancongan Pendidikan, Pelancongan Eko dan Pelancongan Sukan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**  
**SOALAN 20 (A11)**

Berapakah peruntukkan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2021 bagi membantu golongan wanita khususnya suri rumah dan ibu tunggal dalam kategori B40 untuk meningkatkan ekonomi mereka melalui perniagaan kecil-kecilan. Apakah langkah dan rancangan yang ada untuk meningkatkan ekonomi mereka.

**JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON**

Kerajaan Negeri Johor sentiasa menitikberatkan kebajikan wanita terutamanya Ibu Tunggal. Bagi tahun 2021 selepas penjajaran bajet, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM570,127.90** untuk **program-program Wanita yang memberikan** manfaat kepada seramai **576 orang**. Pelbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan bagi meningkatkan ekonomi mereka antaranya Program Women's Income-Generating Skills Projek (WINGS), Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP), Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus (KIUB) dan Projek Pembangunan Ekonomi Rakyat Johor (PROPER).

Bagi pelaksanaan inisiatif pemerksaan ekonomi Wanita khususnya kepada golongan Ibu Tunggal dan Wanita B40, Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak **RM86,824.90** bagi **Program Women's Income-Generating Skills Projek (WINGS)** yang merupakan projek kemahiran menjana pendapatan wanita yang memfokuskan kepada peningkatan kemahiran golongan sasar terutamanya Ibu Tunggal, belia dan wanita B40 bagi tahun 2021 selepas penjajaran peruntukan. Melalui peruntukan tersebut YPKDT telah berjaya memberi manfaat kepada **300 peserta** di kalangan Ibu Tunggal dan wanita B40 dalam mengikuti kursus kemahiran menjana pendapatan secara atas talian.

Manakala bagi peruntukkan di bawah **Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP) 2021** pula, YPKDT telah menerima **RM341,253.00** selepas penjajaran peruntukan. Melalui peruntukan tersebut, YPKDT telah membantu seramai 142 permohonan.

YPKDT juga sentiasa memantau perkembangan peserta kursus dan penerima bantuan peralatan dalam melihat perkembangan aktiviti perniagaan mereka. Peserta WINGS yang berpotensi akan ditawarkan kursus-kursus lanjutan dan berkelayakan memohon bantuan peralatan perniagaan melalui inisiatif SKIPP. Penerima-penerima SKIPP juga dipantau dari semasa ke semasa bagi melihat sejauhmana bantuan yang diberikan memberi impak dan manfaat kepada mereka. Peniaga-peniaga kecil yang berpotensi akan diletakkan di bawah kategori usahawan SURI Johor kelolaan YPKDT.

YPKDT melalui **Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus (KIUB)** dengan peruntukan sebanyak **RM50,300.00** dengan seramai 100 orang penerima manfaat akan sentiasa membantu dan membimbing golongan usahawan SURI ini dengan menawarkan pelbagai kursus dan latihan galakan keusahawan seperti kursus pengurusan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

kewangan, kursus pelabelan produk, kursus pemasaran produk, kursus pembungkusan dan sebagainya. Sehingga kini seramai 270 usahawan telah dikenalpasti berpotensi tinggi untuk terus dibantu dan dibimbing agar menjadi usahawan yang lebih berjaya dan mampu bersaing dalam pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Peruntukan **Projek Pembangunan Ekonomi Rakyat Johor (PROPER)** bagi tahun 2021 adalah sebanyak **RM91,750.00** iaitu hanya melibatkan lima (5) lokasi disebabkan pandemik COVID-19. Manakala bagi Tahun 2022, Kerajaan Negeri meningkatkan jumlah peruntukan kepada sebanyak RM300,000.00 dengan 16 lokasi yang terpilih.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)  
SOALAN 21 (A148)**

Apakah inisiatif yang dirangka oleh Kerajaan Negeri untuk membantu Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan usahawan tempatan untuk mendorong mereka menceburi keusahawanan berasaskan digital supaya mereka boleh bersaing dan mempersiapkan diri menuju Revolusi Industri 4.0?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH**

Usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) disaran mengambil peluang untuk memanfaatkan sumber yang disediakan kerajaan sebagai langkah peralihan daripada perniagaan konvensional kepada dalam talian menerusi Bajet Persekutuan 2022 yang menumpukan perbelanjaan kepada insentif bagi mendorong adaptasi teknologi digital PMKS.

Antaranya, RM25 juta diperuntukkan kepada Halal Development Corporation (atau HDC) untuk program Penjenamaan Digital Produk Halal PMKS dan program Peningkatan Kebolehpasaran Produk Halal PMKS.

Selain Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) yang dilancarkan pagi tadi, sebanyak RM200 juta turut diperuntukkan untuk inisiatif Skim Geran Pendigitalan PKS dengan RM50 juta dikhususkan untuk usahawan mikro Bumiputera di luar bandar. Di bawah Kerajaan Persekutuan melalui SME Corp. Malaysia, terdapat beberapa bantuan yang ditawarkan kepada PMKS yang dapat mendorong menceburi bidang keusahawanan berasaskan digital. Antaranya Program *Business Accelerator Program* (BAP) & Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) menyediakan bantuan kewangan dalam membantu meningkatkan/menaiktaraf/mempersiapkan PMKS untuk mengadaptasi IR 4.0 seperti kearah automasi dan adaptasi ICT ke dalam perniagaan

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)  
SOALAN 22 (A6)**

Apakah status Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2030 (PIPNJ 2030) dimana pelan ini diisytiharkan pada mesyuarat pertama pada 22 Ogos 2021 bahawa akan disiapkan pada Oktober 2021.

**JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN**

Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Jementah mengenai status Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2030 (PIPNJ 2030). Untuk makluman Yang Berhormat Jementah dan ahli-ahli Yang Berhormat di dalam dewan yang mulia ini, setakat Jun 2022, status semasa Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2030 adalah di dalam fasa akhir namun ianya masih belum boleh dimuktamadkan atas sebab beberapa elemen bagi penambahbaikan.

Pelan jangkamasa panjang bagi sektor pelaburan negeri Johor ini kini dalam peringkat perangkaan supaya ianya dapat diharmonikan selari dengan visi dan misi Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan yang diterajui Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang ke-19 selain ianya perlu mengambilkira status dan tren terkini pelaburan sehingga tempoh yang disasarkan iaitu tahun 2030.

Mesyuarat libat urus di antara Invest Johor bersama konsultan dan pihak-pihak pemegang taruh bagi penambahbaikan pelan ini sedang giat dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)  
SOALAN 23 (A178)**

Banyak balai raya dan dewan serbaguna yang mencacatkan pandangan dan seperti gajah putih sedangkan bangunan ini adalah milik Pejabat Daerah dan PBT. Apakah langkah kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor sangat komited dalam mengurus dan menyelenggara aset milik PBT termasuklah dewan serba guna bagi memastikan keselamatan dan keselesaan kepada masyarakat. Antara tindakan yang dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

**Pertama;**

PBT sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan ke atas bangunan-bangunan tersebut secara berkala dan juga berdasarkan keperluan dengan melantik kontraktor pembersihan bagi memastikan dewan berada dalam keadaan yang baik. Sebagai contoh pihak Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah memperuntukkan sebanyak RM400,000.00 setahun bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan Dewan/Dewan Terbuka/Balai-Raya dalam kawasan pentadbirannya termasuklah penyelenggaraan Dewan Sharifah Azizah Taman Ilham, Kluang. Sehingga tahun 2021, Bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan bangunan tersebut pihak MPK telah memperuntukkan sebanyak RM55,000.00 bagi tahun 2021 dan RM10,000.00 sehingga Mei 2022.

Sebanyak 9 buah dewan terbuka, 12 buah dewan tertutup dan 21 buah balairaya yang dibina oleh MPK telah diletakkan pengurusannya di bawah Majlis Perbandaran Kluang sendiri manakala balairaya yang mana sebelum ini diurustadbir oleh Parti Sahsiah. Memang tidak dinafikan disebabkan pandemik, tiada aktiviti keramaian diadakan di dewan dan balairaya milik PBT. Walau bagaimanapun semenjak peralihan fasa endemik, pihak PBT sentiasa memberi peluang kepada orang ramai untuk menggunakan kemudahan dewan seperti majlis-majlis keraian dan lain-lain aktiviti komuniti.

**Kedua;**

PBT juga menjalinkan kerjasama dengan masyarakat setempat/NGO seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ataupun Jawatankuasa penduduk sebagai rakan korporat bagi menguruskan bangunan dewan yang terdapat dalam kawasan pentadbiran PBT tersebut.

Pihak PBT sentiasa komited dalam mengurus dan menyelenggara aset-aset khususnya dewan serbaguna bagi memastikan keselesaan kepada pengguna khususnya warga kota.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**

**SOALAN 24 (A9)**

Pekebun kecil dan pekebun kelapa sawit menghadapi tekanan peningkatan harga baja dan racun rumpai apabila beberapa kategori bantuan telah dimansuhkan selepas PRU 14. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan tersebut ketika menghadapi situasi sukar.

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Peningkatan harga baja dan racun berlaku di peringkat global dan juga di dalam negara. Ianya turut menyebabkan produk-produk berasaskan pertanian meningkat harganya.

Bagi membendung kenaikan harga baja, sepanjang tahun 2021 dan tahun 2022, Kerajaan Negeri telah mengadakan insentif dengan memberi bantuan input baja kepada semua projek yang melibatkan pengeluaran tanaman makanan.

Pada masa yang sama, Jabatan Pertanian sedang mempergiatkan promosi dan penyampaian maklumat mengenai teknologi Effective Microorganisma atau Mikrob Berfaedah kepada para pekebun sedia ada yang menggunakan baja kimia agar beralih kepada pembangunan pertanian secara organik. Penggunaan teknologi Mikrob Berfaedah merupakan salah satu aspek penting dalam mengurangkan penggunaan baja dan racun kimia dalam aktiviti pertanian, sekaligus dapat memelihara alam sekitar. Pada masa kini, pengamalan pertanian organik masih rendah dan penggunaan baja dan racun kimia terus meningkat.

Di masa hadapan, bagi pembangunan pertanian organik, tumpuan akan diberikan kepada proses-proses pembuatan baja organik, pembuatan bio-pest repellent menggunakan bahan semulajadi yang terdapat di persekitaran melalui hands on di ladang pengusaha yang terpilih dalam usaha untuk menjadikan ladang tersebut sebagai ladang contoh yang mengamalkan pertanian organik.

Di Negeri Johor, pembangunan pertanian organik adalah melalui penggunaan mikrob berfaedah di ladang-ladang petani. Fungsinya sebagaimana sedia maklum ialah untuk membangunkan industri pertanian organik secara komersial dan berdaya saing. Pada masa yang sama, ianya juga akan mewujudkan pembangunan dan promosi teknologi bagi menggalakkan pengusaha mengamalkan teknologi terkini untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil yang bermutu tinggi.

Selain itu, menerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), pelbagai inisiatif atau program bantuan yang diperkenalkan dan disediakan oleh pihak kerajaan untuk membantu pekebun kecil khususnya pekebun kecil persendirian di dalam menghadapi kesan peningkatan harga baja dan racun. Antara program dan inisiatif yang diperkenalkan adalah program pembiayaan bagi pembelian input pertanian seperti

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

baja sebatian, racun rumpai dan serangga perosak (Skim Pembiayaan Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit - IPPKS). Nilai pembiayaan yang ditawarkan tidak melebihi RM2,500/hektar dan had maksimum keluasan adalah 6.5 hektar.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)  
SOALAN 25 (A63)**

Sila nyatakan jumlah pesakit yang telah hadir ke Klinik Kesihatan Payamas Tangkak bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

**JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON**

Terdapat penurunan yang tidak ketara pada kedatangan tahunan pesakit ke Klinik Kesihatan Payamas, Tangkak sepanjang tahun 2019-2021. Situasi ini berlaku walaupun semasa pandemik COVID-19.

Berikut adalah jumlah kehadiran untuk tiga tahun tersebut:

<b>TAHUN</b>	<b>BIL. KEDATANGAN PESAKIT (TAHUNAN)</b>	<b>BIL. KEDATANGAN PESAKIT ( HARIAN)</b>
2019	84,851	321
2020	83,326	316
2021	70,063	265

Kedatangan ini meliputi jumlah kehadiran semua pesakit merangkumi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak, rawatan NCD, pesakit luar serta perkhidmatan pengurusan COVID-19 bagi tahun 2019, 2020 dan 2021. Purata kedatangan pesakit ini masih boleh ditampung oleh Klinik Kesihatan sedia ada.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)  
SOALAN 26 (A40)**

Mengapakah permohonan Perumahan Mampu Biaya Johor di bawah Kuota Prihatin Rakyat memerlukan surat sokongan daripada ADUN/Ketua Bahagian Kawasan dan siapakah Ketua Bahagian Kawasan yang dimaksudkan?

**JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR**

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah kaedah pembahagian Perumahan Rakyat Johor, Kuota Prihatin Rakyat yang diperuntukkan merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bertujuan membantu orang awam khususnya yang berpendapatan rendah / sederhana serta yang memenuhi syarat-syarat kelayakan atau pemohon yang gagal dalam Undian Terbuka untuk mendapatkan penawaran satu (1) unit rumah bagi satu-satu projek perumahan / PPR yang dipohon.

Dalam usaha untuk memastikan tiada unsur penyalahgunaan kuasa di dalam pembahagian unit rumah, surat sokongan daripada ADUN/Ketua Bahagian Kawasan diperlukan sebagai satu sokongan untuk memastikan kuota yang diperuntukkan dapat dimanfaatkan dengan sewajarnya dan ditawarkan kepada golongan sasaran / pemohon yang berkelayakan.

Sehubungan dengan itu, Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) telah berjaya membuat penambahbaikan proses dan prosedur dalam tempoh singkat. Antara Quick Win yang dilaksanakan ialah mengurangkan jumlah dokumen permohonan Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ) daripada 17 dokumen kepada 5 dokumen bagi memudahkan pemohon untuk membuat permohonan rumah.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 27 (A115)**

Minta perincian usaha yang sedang atau akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri berkenaan aspek pembangunan modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan untuk mencapai objektif Bandar Pintar Negeri Johor 2030?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD HAIRI BIN MAD SHAH**

Antara program dan usaha yang sedang dilakukan berkenaan aspek pembangunan modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan di negeri Johor adalah seperti berikut :

- a) Program latihan dan kerjasama dengan industri berkaitan teknologi digital dan ICT kepada tenaga kerja semasa merangkumi aspek latihan teknikal, apprenticeship, internship mentor-menti, industrial attachment dan program pengembangan tenaga kerja.
- b) Portal Skills Johor sebagai hab kemahiran pertama di Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan keusahawanan rakyat Malaysia melalui latihan, pengajian teknikal dan vokasional berteraskan keperluan industri.
- c) Pelaksanaan DELIMa (Digital Educational Learning Initiative Malaysia) di Negeri Johor.
- d) Pelaksanaan "Program Cerdik - Yayasan Hasanah".

Manakala, Blueprint Bandar Pintar Negeri Johor 2030 juga telah menggariskan aspek pembangunan modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan untuk mencapai objektif Bandar Pintar Negeri Johor 2030 iaitu di bawah **Komponen Smart People, Dasar 5: Bakat Digital Berkemahiran Tinggi** dan disokong melalui empat (4) strategi utama serta projek/program yang dicadang dilaksanakan sebagaimana di **Lampiran**.

	<b>STRATEGI</b>	<b>PROJEK/ PROGRAM</b>
1.	<b>Strategi 9: Membangunkan bakat digital melalui latihan kemahiran (<i>upskilling</i>) dan kemahiran semula (<i>reskilling</i>).</b>	i. Menyediakan dan mempelbagaikan program latihan dan kerjasama dengan industri berkaitan teknologi digital dan ICT kepada tenaga kerja semasa merangkumi aspek latihan teknikal, apprenticeship, internship mentor-menti, industrial attachment dan program pengembangan tenaga kerja.
2.	<b>Strategi 10: Menyediakan pangkalan data bagi menyelaraskan latihan kemahiran dan padanan kerja (<i>job matching</i>) dengan keperluan industri.</b>	i. Membangunkan satu platform rasmi sebagai satu hub latihan kemahiran bersepadu Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

3.	<p><b>Strategi 11:</b> Meningkatkan akses, program dan penggunaan teknologi digital di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi dalam pendidikan STEM, TVET dan HTVET.</p>	<p>i. Melipat gandakan pendaftaran ke pusat / institusi kemahiran di Johor atau luar Johor menerusi usaha kerajaan Negeri mensinergi semua pusat TVET Johor di bawah HAB TVET.</p> <p>ii. Penambahan pengajaran dan pembelajaran subjek berkaitan STEM seperti Rekabentuk/ Robotik/ Industri Kreatif/ 4IR di sekolah-sekolah.</p> <p>iii. Menganjurkan program/pertandingan yang membantu perkembangan kemahiran teknikal dan digital- dalam bidang STEM, TVET dan HTVET.</p>
4.	<p><b>Strategi 12:</b> Memastikan semua pelajar sekolah di Negeri Johor mendapat akses kepada pembelajaran digital.</p>	<p>i. Memperluaskan pelaksanaan Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) di Negeri Johor.</p> <p>ii. Meningkatkan ketersediaan infrastruktur dan peranti digital teknologi baru seperti VR, AR, AI bagi pembelajaran digital.</p> <p>iii. Memperkenalkan program “My Device” untuk memastikan semua pelajar di Negeri Johor mendapat akses kepada pembelajaran digital serta mempelbagai pakej data khas pelajar</p> <p>iv. Meningkatkan kesalinghubungan jalur lebar berkelajuan tinggi di sekolah Negeri Johor.</p>
5.	<p><b>Strategi 13:</b> Memperkasakan komuniti sebagai digital hab bagi Latihan kemahiran ICT, teknologi digital dan inovasi setempat bagi menyokong transformasi digital kerajaan, merapatkan jurang digital dan menyokong aspirasi masyarakat digital.</p>	<p>i. Membangunkan pusat komuniti sebagai digital hab bagi latihan kemahiran ICT, teknologi digital dan inovasi setempat bagi menyokong transformasi digital dan inovasi setempat bagi menyokong transformasi digital Kerajaan, merapatkan jurang digital dan menyokong aspirasi masyarakat digital.</p> <p>ii. Membangunkan platform interaksi digital bagi menggalakkan penyertaan komuniti dalam perancangan dan pembangunan bandar.</p>

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)  
SOALAN 28 (A125)**

Apakah tindakan oleh Kerajaan Johor secara drastik untuk memudahcara Pengusaha-Pengusaha Ternakan Ayam dalam Negeri Johor agar terus produktif dan mengungguli terus perusahaan ternakan ayam dalam negara?

**JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP**

Negeri Johor merupakan pengeluar terbesar industri ayam daging dan telur ayam dalam negara. Oleh itu segala permasalahan berkaitan dengan industri ayam akan diambil tindakan yang serius bagi mengekalkan status tersebut.

Kerajaan akan berusaha untuk mempermudah urusan permohonan pembinaan ladang unggas baharu bagi terus memastikan Negeri Johor kekal menjadi penyumbang daging ayam utama dalam negara.

Kerajaan akan mencadangkan supaya ladang-ladang unggas sedia ada diberikan pengecualian dari segi ubahsyarat tanah, Permit Khas Ternakan Ayam (PKTA) dan Kebenaran Merancang (KM) termasuk pengecualian bayaran tambahan yang membebankan. Sebagai contoh, pengecualian bayaran untuk Improvement Service Fund (ISF) dan bayaran konsultan.

Kerajaan juga akan mencadangkan ladang unggas sedia ada (yang wujud pada tahun 2000) boleh terus beroperasi dengan sistem reban sedia ada dengan kawalan ketat di bawah Enakmen Kawalan dan Perlesenan Ladang Penternakan Unggas 1997. Namun, bagi ladang sedia ada yang berhasrat untuk ke arah sistem reban tertutup sepenuhnya, pihak kerajaan akan mempertimbangkan pemberian insentif yang bersesuaian.

Kerajaan juga akan mencadangkan pindaan terhadap Enakmen Kawalan dan Pelesenan Ladang Penternakan Unggas 1997 berkaitan pada jadual bayaran kapasiti ladang yang dikenakan, daripada 500 ekor ditingkatkan kepada 5,000 ekor. Untuk kapasiti 500 hingga 5,000 ekor, ianya akan dikira sebagai projek sosioekonomi dan dilesenkan.

Kerajaan juga bercadang untuk tidak membebankan pengusaha dengan pelbagai kos dan syarat yang akan mengakibatkan pengusaha terpaksa menutup ladang dan seterusnya berlaku kekurangan bekalan ayam dan telur sekaligus memberikan kesan kepada rakyat dengan kenaikan harga ayam dan telur.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)  
SOALAN 29 (A48)**

Dalam melancarkan sistem pentadbiran di peringkat kampung, saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya elaun Ketua Kampung dinaikkan selaras dengan jumlah gaji minimum sebanyak RM1,500.00. Hal ini kerana kita sedia maklum tugas Ketua Kampung adalah tugas yang berat.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Ketua Kampung menerima elaun sebanyak RM900.00, dengan pecahan RM500.00 daripada kerajaan persekutuan yang disalurkan menerusi Kementerian Pembangunan Luar Bandar, manakala RM400.00 lagi daripada kerajaan negeri.

Sebarang pelaksanaan bagi kenaikan elaun itu perlu diteliti di peringkat kerajaan negeri dan persekutuan dengan mengambil kira pelbagai aspek khususnya implikasi kewangan berkaitan.



**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)  
SOALAN 30 (A175)**

Di DUN Mahkota terdapat pembeli rumah yang telah hampir habis bayar tetapi geran tanah masih tidak diperolehi lagi. Mohon kerajaan negeri nyatakan apa masalah dan kenapa tak boleh diselesaikan?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **YB Mahkota**, pemohon yang menghadapi masalah tersebut adalah mereka yang menduduki rumah murah kerajaan dan sebelum hakmilik boleh dikeluarkan perlu menyelesaikan ansuran di Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPNJ).

Setelah pembayaran rumah selesai sepenuhnya, PKPNJ akan mengeluarkan satu surat pengesahan pemohon telah menjelaskan ansuran bayaran sepenuhnya. Oleh yang demikian, setelah memperolehi surat dan pemakluman tersebut, pemohon dikehendaki hadir ke Pejabat Tanah Kluang bagi membuat permohonan tanah menggunakan Borang Permohonan Tanah (Borang Jadual 1) bagi permohonan tanah tapak rumah murah kerajaan.

Permohonanan yang telah dibawa ke Pejabat Tanah Galian Johor akan diproses untuk kelulusan seterusnya.

Setelah mendapat kelulusan kerajaan, pihak pentadbiran tanah akan mengeluarkan bayaran Notis 5A untuk dijelaskan oleh pemohon. Kerajaan negeri fokus, agar masalah ini dapat diselesaikan dengan segera.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAK MOR (SEDILI)**  
**SOALAN 31 (A57)**

Penanaman batu sempadan oleh pihak JUPEM tidak dapat dilaksanakan atas sebab kekurangan bajet, mohon pencerahan sedangkan pemohon telah membayar kerja pemasangan batu semasa membuat pembayaran premium.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **YB Sedili**, premium ke atas kelulusan tanah kerajaan telahpun ditentukan oleh kerajaan negeri Johor sebagaimana yang terkandung dalam Jadual 6 Kaedah-Kaedah Tanah Johor 1966 mengikut kategori, syarat dan saiz keluasan sesuatu permohonan.

Selain itu juga, Seksyen 76 (c) KTN jelas memperuntukkan bahawa PBN mempunyai kuasa untuk melupuskan tanah kerajaan secara pemberimilikan sebagai balasan pembayaran premium.

Oleh itu, apabila bayaran premium dan bayaran lain seperti yang dinyatakan dalam notis melalui Borang 5A telah dijelaskan, pengeluaran hakmilik sementara perlu disegerakan setelah permohonan ukur dihantar kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan Daerah atau Negeri dan seterusnya melaksanakan pengukuran muktamad di bawah Seksyen 396 KTN kerja-kerja penanaman batu sempadan dan juga penyediaan Pelan Akui.

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja pengukuran tanah (Kadaster) bagi tujuan pengeluaran hakmilik tanah.

Selain itu, kerja-kerja pengukuran hakmilik tanah oleh JUPEM adalah berdasarkan kepada Permohonan Ukur (PU) daripada Pejabat Tanah Daerah (PTD) yang melibatkan ukuran kurnian pertama termasuk permohonan ukur Generasi Kedua Felda. Permohonan ukur hakmilik yang melibatkan Generasi Kedua Felda terdiri daripada sebelas (11) Rancangan Felda meliputi Kota Tinggi dan Kulai.

Sehingga kini, JUPEM telah melaksanakan ukuran di Felda Sungai Emas, Felda Bukit Aping, Felda Lok Heng Timur, Felda Lok Heng Barat, Felda Inas dan sebahagian Felda Lok Heng Selatan yang melibatkan sebanyak 1698 lot. Manakala bagi Felda Bukit Aping Barat, Felda Bukit Waha, Felda Simpang Waha, Felda Easter, Felda Tenggara Selatan 1 dan Felda Lok Heng Selatan yang melibatkan 2454 lot masih dalam tindakan pengukuran sepertimana jadual di bawah:

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022**

BIL	DAERAH	FELDA	LOT	CATATAN
1	Kota Tinggi	Sungai Emas	417	Siap
2	Kota Tinggi	Bukit Aping Timur	292	Siap
3	Kota Tinggi	Lok Heng Barat	440	Siap
4	Kulai	Inas	412	Siap
5	Kota Tinggi	Lok Heng Selatan	313	137 lot telah siap diukur selebihnya dalam tindakan pengukuran
6	Kota Tinggi	Lok Heng Timur	476	Dalam tindakan pengukuran
7	Kota Tinggi	Bukit Aping Barat	359	Dalam tindakan pengukuran
8	Kota Tinggi	Bukit Waha	364	Dalam tindakan pengukuran
9	Kota Tinggi	Simpang Waha	575	Dalam tindakan pengukuran
10	Kota Tinggi	Bukit Easter	428	Dalam tindakan pengukuran
11	Kota Tinggi	Tenggaroh Selatan 1	76	Dalam tindakan pengukuran
		<b>JUMLAH LOT</b>	<b>4152</b>	

**Jadual:** Status Pengukuran Lot Generasi Kedua Felda

Cabaran utama yang dihadapi oleh JUPEM adalah penerimaan permohonan ukur yang banyak dan melibatkan lokasi lot yang berjauhan di antara satu sama lain. Cabaran ini secara langsung akan meningkatkan tempoh masa dalam menyiapkan pengukuran lot tanah.

Pengukuran hakmilik bagi seluruh Johor dilaksanakan melalui 4 Pejabat Ukur Daerah dengan masing-masing berkemampuan untuk menyelesaikan permohonan ukur sebanyak 900 hingga 1000 lot setahun.

Sehubungan itu, isu yang dibangkitkan oleh Adun Sedili berkenaan JUPEM tidak melaksanakan pengukuran disebabkan faktor tiada peruntukan kewangan adalah tidak tepat, sebaliknya disebabkan ia berlaku bebanan kerja yang banyak dan lokasi lot yang berjauhan.

Pihak JUPEM akan terus bertanggungjawab dan mengambil tindakan proaktif untuk melaksanakan kerja-kerja pengukuran hakmilik tanah terutamanya bagi pengukuran lot tanah generasi kedua Felda di Johor.